

**TEKS UCAPAN**

**PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**MAJLIS ANUGERAH PELAJAR PASCASISWAZAH 2017**

**22 NOVEMBER 2017(RABU) | 7:30 MALAM  
KLAGAN HOTEL**

**“PASCASISWAZAH MENDUKUNG KECEMERLANGAN  
UNIVERSITI”**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera  
Terima kasih Pengacara Majlis,*

### SALUTASI

1. Yang Berbahagia Datuk Awang Buhtaman  
Pengerusi UINVEST Sdn Bhd
2. Yang Berusaha Prof Dr Hjh Arsiah Hj Bahron  
Pemangku Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
3. Para Pegawai Utama dan Kanan UMS
4. Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur
5. Para kakitangan
6. Para graduan

7. Ahli-ahli keluarga graduan
8. Sahabat media UMS dan
9. Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana Majlis Anugerah Pascasiswazah 2017 atau singkatannya MAP 2017 yang dianjurkan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS ini dapat berlangsung dengan jayanya. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli jawatankuasa terlibat.

Setelah menerima skrol ijazah pada pentas Majlis Konvokesyen UMS kali ke-19 beberapa hari lalu, pada malam ini pula beberapa orang graduan di peringkat pengajian doktor falsafah dan sarjana akan diraikan atas kejayaan mereka bergraduat dengan cemerlang.

MAP 2017 juga bertujuan untuk menghargai para penyelia yang telah menunjukkan komitmen dan pencapaian yang tinggi dalam penyeliaan mereka. Sesungguhnya, dalam kembara pengajian pascasiswazah, peranan penyelia sangat signifikan dalam membantu anak didik mengharungi segala cabaran, halangan dan kekangan dengan jayanya. Justeru, sesuai benarlah, pada malam apresiasi ini, kita turut memberikan penghargaan yang sama kepada para penyelia.

Harapan UMS adalah agar anugerah-anugerah yang diterima ini dapat meningkatkan lagi minat yang mendalam untuk penyelidik membentuk bidang kepakaran masing-masing kelak.

Sekali gus, ini akan berupaya mengangkat ketinggian ilmu dan kecendekiawanan yang kelak akan memberi manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara. Proses pengajian doktor falsafah dan sarjana pastinya telah memberi latihan yang sangat berguna untuk anda lebih memahami bagaimana suatu proses penciptaan keilmuan itu berlangsung.

Sekiranya anda seorang ahli akademik, pengalaman tersebut boleh dimanfaatkan dalam karier sebagai ahli akademik yang sentiasa menghasilkan sumbangan-sumbangan berkaitan bidang masing-masing untuk dikongsikan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar, serta boleh memberikan manfaat kepada kesejahteraan hidup masyarakat menerusi pelbagai penyelidikan dan khidmat masyarakat yang akan dilakukan kelak.

Bagi yang mempunyai kerjaya atau bakal memasuki alam pekerjaan bukan akademik, keupayaan menghabiskan pengajian dengan jayanya pasti akan menjadikan anda sumber manusia yang akan memberi nilai tambah yang sangat berguna kepada organisasi anda.

Pendek kata, pengajian pascasiswazah bukan semata-mata suatu peringkat pengajian yang mampu mempertingkatkan taraf atau status ketokohan pendidikan seseorang, malah ianya juga adalah suatu pengalaman yang sangat berguna dan boleh memberi sumbangan tidak ternilai kepada kehidupan masyarakat jua.

**Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,**

Majlis kita pada malam ini sudah tentunya ingin mengangkat kepentingan pengajian pascasiswazah sebagai salah satu daripada mekanisme membangun masyarakat mencakupi segala aspek sosial, ekonomi dan politik. Ini adalah sebagaimana terkandung dalam maksud tema MAP 2017, iaitu "Pascasiswazah Mendukung Kecemerlangan Universiti."

Dengan kata lain, kita mahu menghasilkan seramai mungkin bilangan pascasiswazah yang dapat menyiapkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan selain memastikan bahawa hasil pengajian itu mempunyai nilai yang boleh dikomersialkan, atau sekurang-kurangnya menimbulkan kesedaran untuk menikmati hidup dengan lebih sempurna.

Jika hal ini dapat dilakukan, sudah pasti ia akan membantu kecemerlangan universiti sebagai sebuah gedung ilmu yang bukan sahaja menghasilkan bilangan graduan pascasiswazah yang ramai setiap tahun, bahkan juga mampu menghasilkan sesuatu yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan hidup manusia sejagat.

UMS bertekad memastikan ilmu yang disebarkan dapat melahirkan bijak pandai yang berkualiti. Bagi memastikan tekad ini dicapai, UMS telah menetapkan standard kualiti ilmiah yang tinggi dan relevan. Dengan demikian, UMS mampu terus bersaing seiring dengan perkembangan arus globalisasi.



Dalam usaha memastikan UMS terus cemerlang, beberapa intipati kejayaan perlu diperkasakan.

**Pertama**, kita harus sedar bahawa ilmu itu ibarat lautan yang sangat luas. Masih banyak ilmu yang belum diteroka. Dengan usaha gigih yang berterusan kita akan dapat meningkatkan apa yang kita ada. Justeru, kita perlu bersedia mengungguli kejayaan dengan menanamkan dalam diri, ciri-ciri seorang pengkaji atau penyelidik yang dinamik. **Dinamik** membawa maksud kemampuan seseorang menyerap segala cabaran menjadi sumber kekuatan, lantas diterjemahkan dalam penyelidikan.

**Kedua** adalah berkaitan dengan ***sustainability*** atau **kelestarian** yakni seseorang penyelidik itu perlu melihat penyelidikan yang bakal dihasilkan mempunyai daya tahan yang tinggi dan kekal relevan kegunaannya untuk suatu tempoh masa yang lama. Pendek kata, penyelidikan yang dijalankan perlu mengambil kira kesesuaian reka cipta yang bakal dihasilkan itu masih sesuai untuk kegunaan dan keperluan generasi akan datang.

**Ketiga** adalah berhubung dengan **integriti**. Integriti biasanya dikaitkan dengan jati diri seseorang itu dalam memberikan perkhidmatan atau menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sebagai contoh, sejauhmanakah keikhlasan dan ketelusan seseorang penyelidik itu dalam memaksimumkan manfaat kajian tanpa memfokuskan kepada keuntungan tertentu. Dengan kata lain, prinsip moral dan etika hendaklah sepanjang masa dijadikan benteng kekebalan menghasilkan sesuatu yang bermakna untuk masyarakat keseluruhannya.

Sehubungan dengan intipati integriti ini, maka ramuan kejayaan yang **keempat** adalah berkaitan dengan **keadilan**. Keadilan dalam konteks pelajar pascasiswazah ini bolehlah diterjemahkan kepada sejauhmana kita telah memastikan bantuan kewangan yang diberikan sama ada dari ibu bapa atau majikan benar-benar digunakan untuk menamatkan pengajian.

Lebih manis jika dapat Graduate on Time atau GOT dan lulus dengan cemerlang. Pasti ini akan memberi kepuasan kepada mereka yang menyediakan bantuan kewangan tersebut.

Saya pasti, jika sikap dinamik, berdaya tahan, berintegriti dan berlaku adil dapat dijadikan sebagai intipati menempuh kembara pengajian pascasiswazah ini, maka sudah pasti kita akan dapat menghasilkan para ilmuwan yang mampu menjadikan kehidupan di dunia ini lebih bermakna dari sebelumnya dan mencapai darjah kegembiraan yang mampu dinikmati bersama.

Mudah-mudahan apa juga yang dirancang, semoga dapat dicapai dengan jayanya. Sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan dan penyelia. Semoga MAP 2017 ini mencetus lebih banyak kejayaan manis kepada para graduan khasnya dan UMS amnya.

Sekian, wabillahit taufiq walhidayah wbt.